

Kemerdekaan negara perlu dipertahan — PM

UM 26 FEB 2002

LONDON 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya kemerdekaan negara dipertahan kerana nilai kemerdekaan negara-negara dunia sekarang telah mula berubah dan ada yang tidak menghargainya lagi.

Perdana Menteri berkata, nilai dan penghormatan kemerdekaan sesebuah negara telah susut berbanding konsep globalisasi dan perkembangan global yang banyak diberi perhatian oleh dunia sekarang.

Kalau dahulu kemerdekaan sesebuah negara amat penting dan manusia menghormatinya kerana di dalamnya wujud kedaulatan, kebebasan dan tiada campur tangan luar, hari ini manusia tidak menghiraukannya lagi.

Berucap sebelum memulakan sesi dialog yang dihadiri oleh lebih 600 orang pelajar Malaysia di Imperial College, salah sebuah universiti terkemuka dunia, di sini hari ini, beliau berkata:

“Manusia sudah tidak menghormati kemerdekaan dan ada yang merasakan mereka berhak mempengaruhi dan campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara lain.

“Ini berlaku kerana mereka merasakan dunia menjadi semakin kecil hasil kemajuan teknologi dan tiada negara yang boleh hidup berasingan.”

Sama ada ada suka atau tidak, katanya, Malaysia juga terpaksa menjadi sebahagian daripada dunia ini.

Bagaimana pun beliau mengulangi bahawa hanya negara yang kuat boleh campur tangan dalam urusan negara lemah dan amat jarang negara lemah boleh melakukannya.

Andaian negara kuat, tambahannya, ialah apa juga yang mereka lakukan adalah betul dan apa juga yang dilakukan oleh negara lemah adalah salah.

Sekatan

Jika ada yang menolak, mereka tidak diserang seperti zaman dahulu tetapi dikenakan tekanan dengan cara mengadakan sekatan ekonomi dan lain-lain ancaman seperti tidak melabur dan tidak membeli barangan keluaran negara terbabit.

Menurut Dr. Mahathir, negara-negara lemah terpaksa menerima campur tangan negara kuat dan ini bererti sebahagian daripada kemerdekaan mereka telah hilang.

Dalam kes-kes tertentu, tambah beliau, ada negara yang hilang kemerdekaan setelah terbabit dalam masalah kewangan dan apabila membuat pinjaman mereka menjadi seperti ‘hamba pinjaman’ kerana terpaksa mematuhi kehendak pemberi pinjaman.

Kata Perdana Menteri, banyak negara yang terpaksa

membuat pinjaman untuk mengatasi krisis kewangan sudah tidak lagi kelihatan seperti negara yang merdeka.

Untuk itu, beliau mahu para pelajar merenung hakikat ini kerana inilah jenis dunia yang wujud sekarang dan amat sulit untuk mengekalkan kemerdekaan negara.

Malaysia, katanya, tidak terkecuali daripada menghadapi cubaan begini.

Selepas mencapai kemerdekaan, ada usaha mahukan Malaysia melupakan soal kemerdekaan kerana sekarang terdapat dunia global iaitu semuanya mesti dilakukan menurut piawai tertentu amalan antarabangsa.

Malangnya, ia tidak begitu bertaraf antarabangsa kerana tidak memberi hak bersuara dalam menentukan amalan yang betul yang mesti dilakukan.

Hari ini, kata Dr. Mahathir, Malaysia masih berusaha mengekalkan kemerdekaan dan perjuangannya amat sukar.

Apa pun, kata Perdana Menteri, Malaysia masih sebuah negara merdeka dan sama ada kemerdekaan dapat dikekalkan bergantung kepada sebaik mana negara diuruskan dan inilah harapan generasi yang mengendalikan kerajaan sekarang.— *Utusan*